

28/04/1999

Program IRPA akan dikaji semula: Law

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan mengkaji semula program geran Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA), khusus untuk memperkukuh komponen teknologi perindustrian.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata kajian semula itu turut membabitkan mekanisme penilaian dan pemilihan projek IRPA, pemantauan prestasi projek penyelidikan serta merumus projek pada masa depan.

Justeru, katanya, usaha menstruktur semula institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan diberi lebih tumpuan bagi memastikan kegiatan yang dilaksana dapat menyediakan prasarana, insentif baru, memperbaiki kegiatan sedia ada sekaligus memenuhi permintaan pasaran.

Menurut Law, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-7 (RM-7) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, memberikan penekanan kepada penstruktur semula institusi R&D itu.

Dalam kajian separuh penggal RM-7 itu, kerajaan menumpukan usaha memastikan penemuan R&D institusi penyelidikan awam dapat dikomersil dengan berkesan.

"Kegiatan yang berorientasi komersil perlu diperkukuh untuk memastikan penyelidikan dan inovasi yang sedang dilaksana mahupun yang baru diperkenal dapat memberi sumbangan lebih positif kepada pembangunan dan daya saing industri," katanya.

Beliau berucap merasmikan Minggu Pameran dan Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini. Turut hadir Naib Canselor UM, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad.

Seminar dan pameran selama empat hari yang bermula hari ini hingga 30 April mempamerkan hasil penyelidikan pelajar Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan UM, manakala seminar membabitkan institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan agensi kerajaan.

Pada majlis itu Law turut melancarkan penubuhan Persatuan Rekabentuk Rekaipita Malaysia (Minds) cawangan UM.

Law berkata, walaupun negara dilanda krisis ekonomi, kerajaan melalui kementeriannya tetap komited untuk terus meningkatkan kegiatan R&D bagi menggalakkan pembangunan teknologi tempatan, di samping memperbaiki kaedah penerimaan teknologi.

"Ini terbukti apabila kerajaan dalam RM-7 memberi komitmen untuk meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan saintifik, teknologi dan pembangunan tenaga manusia dalam bidang teknikal serta penyelidikan yang bertujuan meningkatkan lagi keupayaan inovasi.

Sejumlah RM470 juta yang diperuntukkan kepada IRPA menerusi RM-7 daripada 1996 hingga 1998 sudah diagih kepada 33 institusi R&D. Peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM82 juta diagihkan kepada Universiti Putra Malaysia untuk membiayai 379 projek), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) (RM51 juta untuk 393 projek) dan UM (RM50 juta untuk 246 projek).

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, kajian semula IRPA membolehkan kementerian melihat pengalaman yang diperolehi sepanjang pelaksanaannya sejak tiga Rancangan Malaysia yang lalu.

(END)